

21/02/1997

Genting Highlands Resort tawar keseronokan

Nor Liza Ahmad

GENTING Highlands Resort yang terpilih sebagai pusat peranginan utama dan terunggul di negara ini berikutan berupaya menarik lebih sembilan juta pelancong ke destinasi itu mampu memenuhi keinginan dengan pelbagai kegiatan menarik dan menyeronokkan.

Dengan kemudahan lebih 8,000 ruang letak kereta, pengangkutan dan perkhidmatan hotel bertaraf lima bintang yang disediakan, disamping 7,500 pekerja pastinya akan memberi perkhidmatan terbaik kepada pengunjung pusat peranginan Genting Highlands.

Selain itu, dengan suasana yang tenang, dingin dan segar pusat peranginan Genting Highlands Resort, turut menyediakan pelbagai pilihan 30 pusat makanan dan minuman tempatan serta antarabangsa.

Pelbagai kegiatan permainan taman tema yang menarik turut menguji minda mereka termasuk Rollercoaster Corkscrew dan Motion Master Theatre dengan filem yang menggunakan dimensi maya.

Namun mereka juga boleh melalui keseronokan dengan permainan mencabar yang hanya boleh diperolehi di sini. Tentunya golongan remaja yang berminat dengan kegiatan lasak tidak akan melepaskan peluang ini.

Di Connoisseurs of World pula, pelancong boleh menyaksikan pelbagai jenis pertunjukan hiburan sepanjang tahun termasuk silap mata, akrobatik, tarian, lawak jenaka, nyanyian daripada artis antarabangsa.

Bagaimanapun, bagi mereka yang gemar bermain golf boleh berbuat demikian di padang golf berhampiran.

Sejajar dengan itu, bagi memudahkan pelancong berkunjung ke Genting Highlands Resort, Sistem Kereta Kabel Genting Skyway sepanjang 3.38 kilometer turut disediakan.

Majlis pelancaran Sistem Kereta Kabel Genting Skyway itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pastinya dengan kemudahan Sistem Kereta Kabel terpanjang Genting Skyway, ia mampu menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke pusat peranginan terunggul di Malaysia ini.

Perjalanan yang hanya mengambil masa 11 minit, turut memberi peluang kepada mereka yang menggunakan perkhidmatan itu untuk menikmati panorama menarik disekitarnya.

Dengan menggunakan teknologi tercanggih, Sistem Kereta Kabel Genting Skyway berupaya menampung lebih 2000 penumpang dalam tempoh sejam dengan perkhidmatan 100 kabin kereta kabel.

Mereka boleh menaiki kereta kabel itu daripada stesen Goh Tong Jaya pada paras ketinggian 3,010 kaki daripada paras laut atau Hotel Highlands dengan ketinggian 5,723 kaki daripada paras laut.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Genting Bhd di Kuala Lumpur baru-baru ini, Pengerusinya, Tan Sri Lim Goh Tong, berkata sistem itu dijamin dengan tahap keselamatan yang tinggi.

Sistem Kereta Kabel Genting Skyway yang bernilai RM128 juta itu dibina mengikut peraturan Keselamatan Swiss Antarabangsa.

Selain itu, Hotel Highlands bernilai RM439 juta mengandungi 888 bilik turut dirasmikan pembukaannya pada hari yang sama dengan menawarkan kemudahan terbaik di negara ini. Hotel itu yang dibina di lokasi menarik di puncak yang tinggi, pastinya tidak akan mengecewakan pengunjung untuk menikmati keindahan sekitar dengan suasana yang menyegarkan.

Projek pembinaanya juga menggunakan teknik pembinaan terkini, dimana 160 paten curam turut dianalisa oleh jurutera bangunan sebelum kedudukan

terbaik ditentukan.

Dalam memenuhi tanggungjawab terhadap awam, Genting Highlands Resort turut dilengkapi dengan stesen bombanya sendiri.

Hari ini, Pengurusan Resorts World Bhd yang menguruskan pusat peranginan itu akan menyerahkan tanggungjawab Perkhidmatan Bombanya kepada Kerajaan Malaysia.

Ia juga akan membabitkan dua kereta bomba yang moden dan terkini bernilai RM8 juta turut diserahkan kepada Kerajaan.

Pastinya dengan segala kemudahan yang disediakan di Kota Keriangan Genting Highlands Resort akan meninggalkan seribu kenangan manis kepada pengunjungnya.

(END)